A

Pendakwa Raya lwn Shariffa Sabrina bt Syed Akil

B MAHKAMAH TINGGI (TEMERLOH) — RAYUAN JENAYAH NO CB-42(Ors)-1–07 TAHUN 2022, CB-42(Ors)-2–07 TAHUN 2022 DAN CB-42(Ors)-3–07 TAHUN 2022
ROSLAN MAT NOR H
6 SEPTEMBER 2023

C

Prosedur Jenayah — Perbicaraan — Gag order — Permohonan 'gag order' oleh pihak pendakwaan untuk menyekat kebebasan responden untuk bercakap atau menerbit berkaitan prosiding mahkamah — Hakim mahkamah sesyen menolak permohonan 'gag order' — Sama ada perintah hakim mahkamah sesyen adalah D *perintah muktamad dan boleh dirayu — Sama ada mahkamah sesyen mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan permohonan 'gag order' — Sama ada pernyataan dan komen-komen berterusan responden boleh menjejaskan perbicaraan kes atau mempengaruhi hakim yang membicarakan kes — Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ss 3, 13 & 50(1) — Akta Mahkamah* E *Rendah 1948 s 99A & butiran 26 Jadual Ketiga — Perlembagaan Persekutuan perkara 126*

Responden telah dituduh di mahkamah sesyen atas tiga pertuduhan menduduki tanah Kerajaan tanpa kebenaran yang sah di bawah s 425(1)(a) F Kanun Tanah Negara. Sebelum perbicaraan bermula, pihak pendakwaan telah memfailkan notis usul kepada mahkamah sesyen bagi mendapatkan perintah agar responden dilarang membuat kenyataan kepada pihak ketiga termasuklah di media akhbar, media atas talian dan media sosial berkenaan prosiding yang sedang didengar oleh mahkamah sesyen. Dengan kata lain, pihak pendakwaan G ingin memohon perintah untuk menyekat kebebasan responden untuk bercakap atau menerbit ('gag order'). Tujuan permohonan tersebut dibuat adalah bagi memastikan perbicaraan dapat berjalan dengan lancar dan responden tidak membuat apa-apa kenyataan yang boleh mengganggu merit kes serta mengundang pihak-pihak yang tidak berkaitan untuk membuat H apa-apa spekulasi dan tuduhan jahat kepada Pejabat Pendakwaan Negeri mahupun kepada mahkamah sesyen yang mendengar kes ini. Mahkamah sesyen telah menolak notis usul tersebut, oleh itu, rayuan semasa oleh pihak pendakwaan. Isu awalan yang timbul dalam rayuan ini adalah sama ada perintah yang diberikan oleh hakim mahkamah sesyen tersebut adalah I perintah muktamad seperti yang dinyatakan di bawah s 3 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ('AMK') dan oleh itu, perintah tersebut boleh dirayu. Persoalan-persoalan yang perlu ditentukan oleh mahkamah adalah: (a) sama ada pernyataan yang dibuat oleh responden atau dilaporkan telah dibuat oleh responden boleh menjejaskan perbicaraan kes ini; dan (b) sama ada tindakan

responden yang mengemukakan komen secara berterusan berkenaan kes ini akan menjejaskan perbicaraan atau mempengaruhi hakim yang membicarakan kes ini.

Diputuskan, menolak rayuan:

(1) Berkenaan dengan isu awalan, penelitian mahkamah kepada kes Mahkamah Persekutuan *Dato' Sri Mohd Najib bin Hj Abd Razak v Public Prosecutor* [2019] 4 MLJ 281 dan kes Mahkamah Rayuan *Dato' Sri Mohd Najib bin Hj Abd Razak v Public Prosecutor* [2019] 4 MLJ 74 ('kes *Dato' Sri Mohd Najib*') menunjukkan bahawa isu berkenaan sama ada perintah Mahkamah Tinggi boleh dirayu atau terhalang di bawah ss 3 dan 50(1) AMK tidak dibincangkan dan ditimbulkan. Oleh itu mahkamah ini adalah terikat dengan keputusan Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan yang mendengar rayuan daripada 'gag order' tersebut berdasarkan prinsip duluan kehakiman. Selain daripada itu pihak perayu dan responden juga tidak berhujah berkenaan isu ini dalam hujahan bertulis serta tidak mengutarakannya semasa hujahan secara lisan di mahkamah ini. Oleh itu mahkamah berpendapat rayuan ini boleh didengar oleh mahkamah ini berdasarkan kepada prinsip duluan kehakiman seperti yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan (lihat perenggan 16).

(2) Kedua-dua permohonan dalam kes *Dato' Sri Mohd Najib* dan juga kes *Public Prosecutor v Arumugam a/l Dorasamy* [2022] 10 MLJ 684 pada asalnya dibuat di Mahkamah Tinggi. Ini bermakna perkara 126 Perlembagaan Persekutuan dan s 13 AMK adalah terpakai kerana kedua-dua peruntukan tersebut adalah merujuk kepada Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi. Walaupun permohonan dalam kes semasa dibuat di mahkamah sesyen dan dengan itu kedua-dua peruntukan di atas tidak terpakai, namun s 99A dan butiran 26 Jadual Ketiga Akta Mahkamah Rendah 1948 memperuntukkan bahawa mahkamah rendah mempunyai bidang kuasa untuk memutuskan kes penghinaan mahkamah. Ia adalah sejajar dengan kuasa untuk mengambil tindakan terhadap perbuatan menghina mahkamah yang terdapat di bawah s 13 AMK atau perkara 126 Perlembagaan Persekutuan yang diperuntukkan kepada mahkamah atasan. Dalam hal ini, bidang kuasa untuk mahkamah rendah mendengar permohonan untuk 'gag order' adalah bersandarkan kepada kuasa mahkamah rendah untuk berurusan dengan kes yang melibatkan penghinaan mahkamah (lihat perenggan 28–31).

(3) Berdasarkan kes Mahkamah Persekutuan *Dato' Sri Mohd Najib bin Hj Abd Razak v Public Prosecutor* [2019] 4 MLJ 281, dalam menentukan sama ada 'gag order' boleh dibenarkan atau sebaliknya, ujian-ujian tersebut perlu dipenuhi: (a) pemohon harus menunjukkan bahawa

penerbitan sesuatu itu akan memberikan suatu ancaman sehingga menyebabkan terdapat kemungkinan risiko yang serius serta memprejudiskan pentadbiran keadilan bagi sesuatu prosiding tersebut; (b) pemohon harus membuktikan bahawa 'gag order' tersebut merupakan satu-satunya cara untuk menghalang pihak media atau orang awam berbincang berkenaan dengan kes tersebut dan bahawa hanya 'gag order' sahaja adalah cara yang ada bagi menjamin perbicaraan yang adil bagi sesuatu kes; dan (c) pemohon harus menunjukkan bahawa 'gag order' tersebut adalah sesuatu yang perlu dan bersesuaian untuk melindungi haknya bagi perbicaraan yang adil (lihat perenggan 35–38).

(4) Tanggungjawab untuk memastikan perbicaraan yang adil adalah merupakan tugas suci yang perlu dilaksanakan oleh semua pihak yang terlibat dalam perbicaraan di mahkamah. Oleh itu, segala tindakan yang boleh menghalang apa-apa tindakan yang boleh mencemarkan suatu perbicaraan yang adil perlu dilakukan termasuklah tindakan untuk mengemukakan permohonan 'gag order' atau prosiding penghinaan mahkamah. Pada masa yang sama, semasa mempertimbangkan permohonan untuk 'gag order' atau prosiding penghinaan mahkamah, mahkamah tidak boleh menafikan hak pihak-pihak untuk memberikan pandangan kepada tindakan di mahkamah selagi ia tidak melanggar atau menyentuh perbicaraan itu sendiri seperti mengemukakan komen kepada keterangan-keterangan yang dikemukakan atau dapatan-dapatan yang dibuat oleh mahkamah. Mahkamah perlu mengimbangkan di antara hak masyarakat untuk memberi pandangan kepada sistem kehakiman dengan perlindungan kepada perbicaraan yang adil. Ini adalah bagi mengelakkan apa-apa tindakan yang telah dikemukakan di mahkamah daripada menjadi perbincangan awam di kalangan masyarakat sehingga menyebabkan ia mempengaruhi perjalanan perbicaraan yang adil (lihat perenggan 44–46).

(5) Mahkamah berpendapat bahawa berdasarkan affidavit-affidavit yang dikemukakan, tiada apa-apa petanda yang menunjukkan bahawa komen yang dinyatakan oleh responden mempunyai apa-apa kesan dalam mempengaruhi keputusan yang bakal diputuskan oleh mahkamah kerana keputusan kes tersebut akan dibuat berdasarkan kepada keterangan-keterangan yang dikemukakan semasa perbicaraan. Mahkamah juga mendapati bahawa tiada apa-apa rujukan dibuat oleh responden kepada saksi-saksi yang akan dipanggil oleh pihak perayu atau responden yang boleh menjejaskan keterangan saksi-saksi tersebut. Tiada juga dokumen-dokumen khusus yang boleh dikemukakan sebagai eksibit dalam perbicaraan tersebut yang dirujuk sehingga menyentuh kepada kesahihan dokumen-dokumen tersebut yang boleh menjejaskan perbicaraan kelak. Hakim mahkamah sesyen telah meneliti eksibit-eksibit yang dikemukakan, affidavit-affidavit yang dideposkan dan merujuk kepada autoriti-autoriti yang berkaitan apabila

memutuskan bahawa penyataan tersebut yang dikatakan dikeluarkan oleh pihak responden tidak dapat menjejaskan perbicaraan adil dalam kes ini. Akhirnya, mahkamah mendapati bahawa tiada alasan yang mewajarkan mahkamah ini untuk mengganggu dapatan yang dibuat oleh hakim mahkamah sesyen berkenaan dengan permohonan ini (lihat perenggan 47–48 & 50).

[English summary

The respondent was charged in the sessions court on three counts of occupying State land without lawful authority under s 425(1)(a) of the National Land Code. Before the trial began, the prosecution filed a notice of motion to the sessions court to obtain an order that the respondent be prohibited from making statements to third parties including the press, online media and social media regarding the proceedings being heard by the session court. In other words, the prosecution wanted to apply for an order to restrict the respondent's freedom to speak or publish ('gag order'). The purpose of the application was to ensure that the trial could proceed smoothly, and that the respondent would not make any statements that may interfere with the merits of the case and invite unrelated parties to make any speculations and malicious accusations to the State Prosecution Office or to the sessions court hearing this case. The sessions court had dismissed the said notice of motion, hence, the present appeal by the prosecution. The preliminary issue that arose in this appeal was whether the order given by the sessions court judge was a final order as stated under s 3 of the Courts of Judicature Act 1964 ('the CJA') and therefore, the order was appealable. The questions to be determined by the court were: (a) whether the statement made by the respondent or reported to have been made by the respondent could affect the trial of this case; and (b) whether the actions of the respondent who continuously submitting comments regarding this case would affect the trial or influence the judge who was hearing this case.

Held, dismissing the appeal:

(1) Regarding the preliminary issue, the court's perusal of the Federal Court case *Dato' Sri Mohd Najib bin Hj Abd Razak v Public Prosecutor* [2019] 4 MLJ 281 and the Court of Appeal case *Dato' Sri Mohd Najib bin Hj Abd Razak v Public Prosecutor* [2019] 4 MLJ 74 ('the case of *Dato' Sri Mohd Najib*') showed that the issue of whether the order of the High Court could be appealed or prohibited under ss 3 and 50(1) of the CJA was not discussed and raised. Therefore, this court was bound by the decision of the Court of Appeal and the Federal Court which heard the appeal from the 'gag order' based on the principle of judicial precedent. Apart from that, the appellant and the respondent also did not argue about this issue in the written submission and did not mention it during the oral submission in this court. Therefore, the court was of the view that the present appeal could be heard by this court based on the principles of

judicial precedent as decided by the Federal Court and the Court of Appeal (see para 16).

(2) Both the applications in the case of *Dato' Sri Mohd Najib* and also the case of *Public Prosecutor v Arumugam a/l Dorasamy* [2022] 10 MLJ 684 were originally made in the High Court. This meant that art 126 of the Federal Constitution and s 13 of the CJA were applicable because both provisions referred to the Federal Court, the Court of Appeal, and the High Court. Although the application in the present case was made in the sessions court and thus the two provisions above were not applicable, s 99A and Item 26 of the Third Schedule to the Subordinate Courts Act 1948 provided that lower courts had jurisdiction to decide contempt of court cases. This was in line with the power to take action for contempt of court found under s 13 of the CJA or art 126 of the Federal Constitution which was allocated to the superior court. In this regard, the jurisdiction of the lower court to hear the application for a 'gag order' was based on the lower court's power to deal with cases involving contempt of court (see paras 28–31).

(3) Based on the Federal Court case *Dato' Sri Mohd Najib bin Hj Abd Razak v Public Prosecutor* [2019] 4 MLJ 281, in determining whether a 'gag order' could be allowed or otherwise, the following tests must be fulfilled: (a) the applicant must show that the publication would cause a threat to the point that there was a possibility of real risk as well as prejudice to the administration of justice of the trial; (b) the applicant must prove that the 'gag order' was the only way to prevent the media or the public from discussing the case and that only the 'gag order' was the only way to guarantee a fair trial for the case; and (c) the applicant must show that the 'gag order' was necessary and proportionate to protect his right to a fair trial (see paras 35–38).

(4) The responsibility to ensure a fair trial was a sacred duty that must be carried out by all parties involved in the trial in court. Therefore, all actions that could prevent any action that could contaminate a fair trial must be made including the action to apply for a gag order or contempt of court proceedings. At the same time, when considering an application for a 'gag order' or contempt of court proceedings, the court could not deny the right of the parties to give an opinion in relation to the court's action as long as it did not violate or encroach into the trial itself such as giving comments on the evidence adduced or findings made by the court. The court had to strike a balance between the public's right to have a say in the judicial system and the protection of a fair trial. This was to prevent any action that had been presented in the court from becoming a public discussion amongst the public so as to affect the course of a fair trial (see paras 44–46).

(5) The court was of the opinion that based on the affidavits submitted, there

was no indication that the comments made by the respondent had any effect in influencing the decision of the court because the decision of the case would be made based on the evidence that were presented during the trial. The court also found that there was no reference made by the respondent to the witnesses to be called by the appellant or the respondent which could affect the testimony of the witnesses. There were also no specific documents that could be presented as exhibits in the trial that were referred to so as to touch on the validity of those documents that may affect the trial later. The sessions court judge had examined the exhibits presented, the affidavits that were filed and had referred to the relevant authorities when deciding that the statement allegedly issued by the respondent could not affect a fair trial in this case. Finally, the court found that there was no reason that justified this court to disturb the findings made by the sessions court judge in relation to this application (see paras 47–48 & 50).]

Kes-kes yang dirujuk

Attorney General v Times Newspapers Ltd [1974] AC 273, HL (dirujuk)
Andre Paul Terence Ambard v The Attorney-General of Trinidad and Tobago [1936] AC 322, PC (dirujuk)
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v PP [2010] 2 MLJ 312; [2010] 4 CLJ 265, MP (diikut)
Dato' Seri Anwar Ibrahim v PP [2010] 6 MLJ 585, MP (dirujuk)
Dato' Sri Mohd Najib bin Hj Abdul Razak v Pendakwa Raya [2019] MLJU 529; [2019] 1 LNS 1837, MR (dirujuk)
Dato' Sri Mohd Najib bin Hj Abd Razak v PP [2019] 4 MLJ 281; [2019] 4 CLJ 705, MP (diikut)
Dato' Sri Mohd Najib bin Hj Abd Razak v PP [2019] 8 MLJ 624, MT (dirujuk)
Dato' Sri Mohd Najib bin Hj Abd Razak v PP [2019] 4 MLJ 74, MR (diikut)
PP v Arumugam a/l Dorasamy [2022] 10 MLJ 684, MT (dirujuk)
Karpal Singh a/l Ram Singh v PP [2012] 5 MLJ 293, MP (dirujuk)
Trustees of Leong San Tong Khoo Kongsi (Penang) Registered & Ors v SM Idris & Anor And Another Application [1990] 1 MLJ 273, MA (dirujuk)
Lim Kit Siang v Dato Seri Dr Mahathir Mohamad [1987] 1 MLJ 383, MA (dirujuk)
Peguam Negara Malaysia v Mohd Kassim bin Abd Hamid (biological father of Muhammad Adib bin Mohd Kassim) [2022] MLJU 577, MR (dirujuk)
Saad bin Abas & Anor v PP [1999] 1 MLJ 129; [1998] 4 CLJ 575, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Kanak-kanak 2001 s 15
Akta Komunikasi dan Multimedia 1998
Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ss 3, 13, 50(1)
Akta Mahkamah Rendah 1948 s 99A, Jadual Ketiga, butiran 26

Akta Prosiding Kehakiman (Pengawalseliaan Laporan) 1962 s 3
Kanun Tanah Negara s 425(1)(a)
Kanun Tatacara Jenayah ss 51, 51A(1)(b), (1)(c), 112
Perlembagaan Persekutuan perkara 10, 126, 145(3)

Ain-Nur 'Amiyerra Awod Abdullah (Lee Wai Yi bersamanya) (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak perayu.
Mohd Harris (The Law of Mohd Harris) bagi pihak responden

Roslan Mat Nor H:

[1] Ini adalah rayuan terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen yang telah menolak notis usul oleh pihak pendakwaan untuk responden dilarang untuk membuat kenyataan kepada pihak ketiga termasuklah di media akhbar, media atas talian dan media sosial dalam prosiding yang sedang didengar oleh mahkamah sesyen.

[2] Alasan kepada permohonan pendakwaan ialah pihak pendakwaan percaya notis usul ini perlu dibenarkan untuk memastikan perbicaraan dapat berjalan dengan lancar dan responden tidak membuat sebarang kenyataan yang boleh mengganggu merit kes serta mengundang pihak-pihak yang tidak berkaitan untuk membuat sebarang spekulasi dan tuduhan jahat kepada Pejabat Pendakwaan Negeri mahupun kepada mahkamah sesyen yang mendengar kes ini. Permohonan ini disokong oleh affidavit pegawai pendakwa yang diikrarkan pada 7 April 2022.

[3] Dalam kes ini responden telah dituduh di mahkamah sesyen atas pertuduhan seperti berikut di bawah s 425(1)(a) Kanun Tanah Negara 1965 ('KTN') seperti berikut:

(a) pertuduhan bagi Kes CB-42(Ors)-1–07 Tahun 2022:

> Bahawa kamu pada 11 Jun 2021 jam lebih kurang 1400 telah melakukan kesalahan tanpa kebenaran yang sah menduduki tanah kerajaan di Lot 26148, GM4135 Mukim Bentong iaitu kawasan Tanah Aina Fareena Caffe & Restaurant, Daerah Bentong, Pahang Darul Makmur. Oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 425(1)(a) Kanun Tanah Negara 1965 iaitu menduduki, atau membina apa-apa bangunan di atas, mana-mana tanah Kerajaan, tanah rizab atau tanah perlombongan.

(b) pertuduhan bagi Kes CB-42(Ors)-2–07 Tahun 2022:

> Bahawa kamu pada 10 Jun 2021 jam lebih kurang 1400 telah melakukan kesalahan tanpa kebenaran yang sah menduduki tanah kerajaan di Lot 1053, PM0053 Mukim Ulu Dong iaitu kawasan Tanah Aina Fahad Glamping Resort, Daerah Raub, Pahang Darul Makmur.

Oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 425(1)(a) Kanun Tanah Negara 1965 iaitu menduduki, atau membina apa-apa bangunan di atas, mana-mana tanah Kerajaan, tanah rizab atau tanah perlombongan.

(c) pertuduhan bagi Kes CB-42(Ors)-3–07 Tahun 2022:

Bahawa kamu pada 10 Jun 2021 jam lebih kurang 1400 telah melakukan kesalahan tanpa kebenaran yang sah menduduki tanah kerajaan di Lot 10061, GM1572 Mukim Tras iaitu kawasan yang ketika ini didiami oleh Tanah Aina Farrah Soraya Exclusive Eco Resort, Daerah Raub, Pahang Darul Makmur.

Oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 425(1)(a) Kanun Tanah Negara 1965 iaitu menduduki, atau membina apa-apa bangunan di atas, mana-mana tanah Kerajaan, tanah rizab atau tanah perlombongan.

[4] Penelitian kepada nota keterangan yang terdapat di Rekod Rayuan Jld 2 mendapati bahawa responden telah dituduh pertama kalinya pada 15 Mac 2022. responden telah membuat pengakuan tidak bersalah dan dibenarkan jaminan sebanyak RM3,000 dengan seorang penjamin bagi setiap pertuduhan. Pada 25 April 2022 catatan pada nota keterangan menunjukkan bahawa notis usul di KM11 telah diterima oleh responden. Pada 8 Julai 2022 notis usul tersebut telah didengar dan mahkamah sesyen telah menolak notis usul tersebut.

ISU AWALAN

[5] Dalam kes ini adalah didapati bahawa notis usul ini difailkan sebelum perbicaraan dimulakan. Ia adalah dibuat pada peringkat awal pendengaran kes ini. Persoalan dalam kes ini ialah adakah perintah yang diberikan oleh hakim mahkamah sesyen tersebut adalah boleh dirayu. Adakah perintah tersebut adalah perintah muktamad seperti yang dinyatakan di bawah s 3 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 seperti berikut:

'decision' means judgment, sentence or order, but does not include any ruling made in the course of a trial or hearing of any cause or matter which does not finally dispose of the rights of the parties.

[6] Mahkamah juga meneliti keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Saad bin Abas & Anor v Public Prosecutor* [1999] 1 MLJ 129; [1998] 4 CLJ 575 apabila isu berkenaan sama ada keputusan memanggil pembelaan bagi kes jenayah adalah merupakan suatu keputusan dalam konteks s 3 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 yang menyatakan seperti berikut:

The other point is that the present s 50(2) employs the word 'decision' while s 50(3A)(i) employs the word 'order'. We do not think that they merit any lengthy

discussion in view of the context in which they are being used. However to refresh our memory, we take the liberty to refer to *Wharton's Law Lexicon* (14th Ed) at p 305 for the meaning of the word 'decision' and it gives us the meaning simply as 'a judgment'. For the word 'judgment' at p 545 it means 'judicial determination: decision of a court.' It also gives some background history as to the usage of the word and also mentions species of judgments such as 'interlocutory' and 'final'. For our present purpose we are satisfied and it is sufficient with its meaning as 'judicial determination: decision of a court.' As for the word 'order' at p 718, it gives the meaning as 'mandate, precept, command': while for the word 'precept' it gives at p 789 as 'rule authoritatively given; a mandate;' Whitton J in the case of *Gng Eng Hwoo v Regina* [1954] 1 MLJ 256b attempted to look for the definition of the word 'order' appearing in s 296 of the Singapore Criminal Procedure Code (Cap 21). Section 296 reads:

> 296 (1) No appeal shall lie from a judgment, sentence or order of a criminal Court except as provided for by this Code or by any other law for the time being in force.
>
> (2) No appeal shall lie from a judgment, sentence or order of a Police Court in any of the cases specified in Schedule 'C'.

The learned judge had this to say at p 257:

> I have been unable to find any definition of the word 'order' which appears to fit its use in this section, but my research into the matter has led me to the conclusion that in connection with a criminal cause or matter the word is confined, broadly speaking, to those final decisions of a court which affect parties to the proceedings in respect of their person or property.

Whether it is a judgment, decision or order pronounced by a court, there must be an element of finality before there can be an appeal.

Now we may recall s 50(2) of the Courts of Judicature Act 1964, it employs the word 'decision' which is defined in s 3. Early this year by Amendment Act A1031 of 1998, that definition was amended to read:

> 'decision' means judgment, sentence or order, but does not include any ruling made in the course of a trial or hearing of any cause or matter which does not finally dispose of the rights of the parties.

So, for the purpose of s 50(2), this court has first to ascertain whether the 'decision' of the High Court in ordering the applicants before us to enter on their defence was a ruling that had the effect of finally disposing of their rights. Certainly not and it would only happen after a decision had been made at the close of the defence.

Now, one final and vital point to be shown in an application made under s 50(2) is one without which the application may be dismissed. It is this. The affidavit in support must formulate the 'questions of law' which have arisen in the course of the appeal 'and the determination of which by the High Court has affected the event of the appeal'. Not one such 'question of law' was formulated. If we had so minded we could have summarily dismissed the application on this ground.

[7] Mahkamah ini juga merujuk kepada keputusan Mahkamah

Persekutuan dalam kes *Karpal Singh a/l Ram Singh v Public Prosecutor* [2012] 5 MLJ 293 bagi melihat apakah yang dimaksudkan dengan perintah muktamad:

> [19] In order for a decision to be final, the defence must first be heard, and after a maximum evaluation of the total evidence a decision eventually be made. It is at that conclusive stage, when the fate of the appellant is known, the right of appeal is triggered (*Saad bin Abas & Anor v Public Prosecutor* [1999] 1 MLJ 129; *Maleb bin Su v Public Prosecutor; Cheak Yoke Thong* [1984] 1 MLJ 311; [1984] 2 CLJ Rep 232). In *Public Prosecutor v Letchumanan Suppiah* [2009] 5 MLJ 597; [2009] 5 CLJ 652 Zulkefli Makinudin FCJ (as His Lordship then was) opined:
>
> > (1) A question that needed to be answered at this stage was whether the accused could, in the course of the appeal by the public prosecutor before this court against the decision of the Court of Appeal in calling for the accused's defence of possession and not trafficking of the said drugs, challenging that decision through the back door by submitting in the course of his reply to the prosecution's appeal that he should have been acquitted. This question should be answered in the negative for the simple reason that what the law has precluded the accused from appealing must be given effect. To allow otherwise would mean providing the accused with an avenue of appeal at this stage contrary to what the law has prohibited. Section 92 of the Courts of Judicature Act 1964 ('the CJA') gives the Federal Court a very wide power when it hears an appeal. However that power can only be exercised subject to s 87 of the CJA that is the appeal must be competent before the court. The word 'any' before the word 'decision' in s 87 of the CJA must be confined to a decision which is final ...
>
> [20] A scrutiny of the scope of the term 'decision' in s 3 of the CJA reveals that its definition does not extend to the types of 'judgments or orders' which can be termed as 'interlocutory'. In other words, if a judgment or order is not final, in the sense that it does not finally dispose of the rights of the parties in the trial, then it would not fall within the definition of the word 'decision' under s 3 of the CJA, and thus not appealable. To quote Arifin Zakaria CJM (as His Lordship then was) in *Dato' Seri Anwar Ibrahim v Public Prosecutor* [2010] 6 MLJ 585 at pp 593–594; [2010] 9 CLJ 625 at p 634:
>
> > The term 'interlocutory' used therein is specifically in reference to a civil matter as opposed to a criminal matter (see para 501 of *Halsbury's Laws of England*, (4th Ed), Vol 26. It includes an order made before and after judgment in a matter before the court. Whereas what s 3 of the CJA seeks to exclude from the term 'decision' is a ruling made in the course of a trial or hearing which does not finally dispose of the rights of the parties. In other words, the ruling must by definition be made in the course of a trial or hearing and not before or after as envisaged in the definition of 'interlocutory'. In fact, in *Dato' Seri Anwar Ibrahim v Public Prosecutor* [2010] 2 MLJ 312; [2010] 4 CLJ 565, this court was asked to decide whether an order made by the trial judge pursuant to s 51 and/or s 51A of the Criminal Procedure Code is appealable. In that case, this court held that the order was a final order as it finally disposed of the rights of the parties and therefore it was appealable. Further, the court held that the order was not made in the course of a trial. For that reason, the order made by the trial judge does not fall within the word 'decision' as defined in s 3 of the CJA. No doubt that the application under s 51 and/or s 51A is an 'interlocutory' application as defined

in *Halsbury*. Therefore it is highly inaccurate to say that in a criminal trial, all decisions on interlocutory applications are not appealable. (Emphasis added.)

[8] Begitu juga dalam kes *Dato' Seri Anwar Ibrahim v Public Prosecutor* [2010] 6 MLJ 585 apabila Mahkamah Persekutuan perlu menyelesaikan isu berkenaan keputusan Mahkamah Tinggi menolak permohonan perayu untuk mendapatkan kenyataan di bawah s 112 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ'). Apakah keputusan tersebut boleh dirayu ataupun sebaliknya.

[9] Mahkamah Persekutuan dalam kes tersebut melalui penghakiman Yang Amat Arif Ariffin Zakaria Hakim Besar Malaya (ketika itu) menyatakan seperti berikut:

[19] The word 'decision' appearing in sub-s (1) of s 50 is defined in s 3 of the CJA as follows:

3 Interpretation

'decision' means judgment, sentence or order, but does not include any ruling made in the course of a trial or hearing of any cause or matter which does not finally dispose of the rights of the parties.

[20] This provision came for consideration by the Court of Appeal in *Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v Public Prosecutor* [1999] 1 MLJ 321. In that case, the issue was whether the matter of bail is appealable to the Court of Appeal, taking into consideration the definition of 'decision' in s 3 of the CJA subsequent to the amendment to it in 1998. In that case, it was held by the Court of Appeal that this new definition of 'decision' in the amendment does not include a judgment or order which does not deal with the rights of the parties in the matters in dispute. It was further held that only the outcome of the trial that would have the effect of finally disposing of the rights of parties would come within the word 'decision'. On this premise, the order of the High Court in refusing bail was held to be unappeallable to the Court of Appeal. NH Chan JCA, in his judgment stated that what was intended to be excluded from the new definition of 'decision' is the type of judgments or orders which is termed 'interlocutory'. He cited *Halsbury's Laws of England* (4th Ed) Vol 26 as to the meaning of 'interlocutory' which reads:

Interlocutory judgments and orders. An order which does not deal with the final rights of the parties, but either (1) is made before judgment, and gives no final decision on the matters in dispute, but is merely on a matter of procedure, or (2) is made after judgment, and merely directs how the declarations of right already given in the final judgment are to be worked out, is termed 'interlocutory'.

[21] The term 'interlocutory' used therein is specifically in reference to civil matter as opposed to a criminal matter (see para 501 of the *Halsbury's Laws of England* (4th Ed) Vol 26). It includes an order made before and after judgment in a matter before the court. Whereas, what s 3 of the CJA seeks to exclude from the term 'decision' is a ruling made in the course of a trial or hearing which does not finally dispose of the rights of the parties. In other words, the ruling must by definition be made in the

course of a trial or hearing and not before or after as envisaged in the definition of 'interlocutory'. In fact, in *Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v Public Prosecutor* [2010] 2 MLJ 312; [2010] 4 CLJ 265, this court was asked to decide whether an order made by the trial judge pursuant to s 51 and/or s 51A of the Criminal Procedure Code is appealable. In that case, this court held that the order was a final order as it finally disposed of the rights of the parties and therefore it was appealable. Further, this court held that the order was not made in the course of a trial. For that reason, the order made by the trial judge does not fall within word 'decision' as defined s 3 of the CJA. No doubt that the application under s 51 and/or s 51 is an 'interlocutory' application as defined in *Halsbury*. Therefore, it is highly inaccurate to say that in a criminal trial, all decisions on interlocutory applications are not appealable.

...

[25] Quite apart from the explanatory statement to the Bill the definition of 'decision' by itself, to our mind, is sufficiently clear, and it is the duty of the court to give effect to the same. Justice demands that cases should move without unnecessary interruption to their final conclusion. That is what the amendment seeks to achieve. The right of a party who is aggrieved by a ruling, after all, is not being compromised, as the party can always raise the issue during the appeal, if any, to be filed after the trial process is brought to its conclusion.

[10] Sementara itu di dalam kes *Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v Public Prosecutor* [2010] 2 MLJ 312; [2010] 4 CLJ 265 apabila Mahkamah Persekutuan perlu memutuskan sama ada perintah Mahkamah Tinggi yang membenarkan beberapa dokumen di bawah s 51A(1)(b) KTJ dan beberapa kenyataan fakta yang memihak kepada perayu di bawah s 51A(1)(c) KTJ telah diputuskan sebagai perintah muktamad dan boleh dirayu dalam konteks s 3 Akta Mahkamah Kehakiman 1964. Ini dinyatakan seperti berikut:

[24] Section 51 of the CPC gives the appellant certain rights. These 'rights', in our view, are the rights referred to under s 3 of the CJA. The application by the appellant to have access to the various documents and materials is in fact an exercise of that right given to him by s 51 of the CPC which says:

51 Summons to produce document or other things.

(1) Whenever any Court or police officer making a police investigation considers that the production of any property or document is necessary or desirable for the purposes of any investigation, inquiry, trial or other proceeding under this Code by or before that Court or officer, such Court may issue a summons or such officer a written order to the person in whose possession or power such property or document is believed to be requiring him to attend and produce it or to produce it at the time and place stated in the summons or order.

(2) Any person required under this section merely to produce any property or document shall be deemed to have complied with the requisition if he causes the property or document to be produced instead of attending personally to produce the same.

(3) Nothing in this section shall be deemed to affect the provisions of any law relating for the time being in force or to apply to any postal article, telegram or other document in the custody of the postal or telegraph authorities.

The order made by the High Court in allowing access to some of the documents and materials has, in effect, disposed of the rights of the appellant under s 51 of the CPC. It is not an interlocutory order, nor one that was made in the course of a trial. It stands on its own.

[25] Further, the application made by the appellant stands independently of the trial. It sought for a determination of the appellant's right pursuant to s 51 of the CPC. Thus the order made by the learned judge on that application is a final order that has finally disposed of the rights of the appellant. It has disposed of the matter in dispute. It is therefore appealable. We therefore affirm this part of the judgment of the Court of Appeal dated 6 November 2009.

[11] Penelitian kepada kes *Dato' Seri Anwar Ibrahim bin Ibrahim v Public Prosecutor* di atas menunjukkan bahawa alasan mengapa perintah tersebut dianggap sebagai perintah muktamad ialah ia telah melupuskan hak perayu di bawah s 51 KTJ dan ia bukannya satu perintah interlokutori dan ia juga tidak dibuat semasa perbicaraan. Dalam erti kata lain perintah tersebut boleh berdiri dengan sendiri. Keputusan dalam kes *Dato' Seri Anwar Ibrahim bin Ibrahim v Public Prosecutor* ini boleh dijadikan panduan dalam kes ini sama ada notis usul yang dikemukakan dalam kes ini adalah di luar daripada perbicaraan dan boleh berdiri dengan sendiri serta adakah ianya satu permohonan interlokutori. Jika mahkamah mendapati bahawa perintah tersebut adalah dibuat semasa perbicaraan dan ia tidak memutuskan perkara tersebut secara muktamad ia bukanlah suatu perintah muktamad yang membolehkan rayuan dikemukakan.

[12] Dalam kes ini permohonan notis usul itu dibuat sebelum perbicaraan bermula. Ia juga tidak melibatkan hak pihak yang memohon seperti yang terdapat dalam kes *Dato' Seri Anwar Ibrahim bin Ibrahim v Public Prosecutor*. Sudah pasti ujian yang dinyatakan dalam kes *Karpal Singh a/l Ram Singh v Public Prosecutor* tidak berlaku disebabkan perbicaraan belum bermula. Adakah pendakwaan yang membuat permohonan dalam notis usul ini tidak boleh mempunyai hak untuk mengambil tindakan di bawah peruntukan undang-undang yang lain seperti tindakan menghina mahkamah sekiranya terdapat keadaan di mana kenyataan yang dibuat oleh responden itu boleh tergolong di dalam penghinaan mahkamah. Mahkamah berpendapat perkara-perkara ini perlu diberi perhatian oleh mahkamah ini dalam menentukan isu awalan sama ada kes ini boleh dirayu oleh perayu dan adakah ia dihalang di bawah s 3 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 tersebut.

[13] Malahan jika diteliti dalam kes *Dato' Sri Mohd Najib bin Hj Abdul Razak v Pendakwa Raya* [2019] MLJU 529; [2019] 1 LNS 1837 didapati satu

permohonan dibuat untuk menghalang peguam daripada mengendalikan pendakwaan terhadap perayu. Dalam kes tersebut Mahkamah Rayuan menyatakan seperti berikut:

> [16] Coming back to the facts of the present case, the effect of the decision of the High Court in dismissing the notice of motion would mean that the appellant would not have the right to have sight of GSR's LOA and that GSR would continue to act as SDPP in the cases involving the appellant. Premised on these two above mentioned cases, the decision of the learned High Court judge does not dispose of the appellant's rights to its finality. The decision in dismissing the application by the appellant to disqualify GSR has got nothing to do with the charge against the appellant. In addition, it has not been shown how does that affect the appellant's rights to have a fair trial.
>
> [17] In view of the aforesaid, we unanimously found that the decision of the learned High Court judge is not appealable by virtue of s 50(1) read with s 3 of the CJA. We therefore allowed the Preliminary Objection by the respondent. Accordingly, the appeal by the appellant is struck out based on this reason alone.

[14] Ini bermakna sekiranya dirujuk dalam ujian yang dinyatakan dalam kes *Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v Public Prosecutor* [2010] 2 MLJ 312; [2010] 4 CLJ 265 adalah jelas bahawa ini adalah permohonan yang asing dan bukannya suatu permohonan interlokutori dan ianya tidak memutuskan secara muktamad hak pihak pemohon iaitu pendakwa raya dalam kes ini. Oleh itu berdasarkan kes *Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v Public Prosecutor* [2010] 2 MLJ 312; [2010] 4 CLJ 265 tersebut ia memenuhi kriteria untuk menyatakan bahawa perintah *gag order* tersebut bukannya satu yang muktamad sehingga menyebabkan rayuan boleh dikemukakan di mahkamah ini.

[15] Namun demikian mahkamah juga perlu mengambil perhatian bahawa bagi permohonan seperti di dalam kes ini iaitu untuk menghalang perintah menyekat kebebasan bercakap atau menerbit (*gag order*) telah dikemukakan rayuan ke peringkat Mahkamah Persekutuan. Ini dapat dilihat dalam kes *Dato' Sri Mohd Najib bin Hj Abd Razak v Public Prosecutor* [2019] 4 MLJ 74. Kes tersebut bermula daripada keputusan Mahkamah Tinggi dalam kes *Dato' Sri Mohd Najib bin Hj Abd Razak v Public Prosecutor* [2019] 8 MLJ 624.

[16] Penelitian kepada kes *Dato' Sri Mohd Najib bin Hj Abd Razak v Public Prosecutor* di Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan adalah didapati bahawa isu berkenaan sama ada perintah Mahkamah Tinggi itu boleh dirayu atau terhalang di bawah s 3 dan s 50(1) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 tidak dibincangkan dan ditimbulkan. Oleh itu mahkamah ini adalah terikat dengan keputusan Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan yang mendengar rayuan daripada perintah *gag order* tersebut berdasarkan prinsip duluan kehakiman. Selain daripada itu pihak perayu dan responden juga tidak berhujah berkenaan isu ini dalam hujahan bertulis serta tidak

A mengutarakannya semasa hujahan secara lisan di mahkamah ini. Oleh itu mahkamah berpendapat rayuan ini boleh didengar oleh mahkamah ini berdasarkan kepada prinsip duluan kehakiman seperti yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan.

B KEWAJARAN

[17] Perayu dalam permohonannya di mahkamah sesyen di dalam affidavit sokongan di eksh 'II1' petikan daripada Malaysiakini yang menunjukkan tulisan pihak responden seperti berikut:

C

> Ramai yang takut bersuara dalam penjagaan Alam kerena mereka akan ditindas seperti apa yang berlaku pada diri saya. saya bersuara sebagai Presiden NGO dalam alam sekitar. Ini berkenaan nyawa manusia dan juga makhluk2 Allah yang lain. Kalau tak mahu kami bersuara hapuskan saja semua NGO ALAM SEKITAR. Musnahlah khazanah alam selagi boleh. Sekian.

D

[18] Begitu juga dimasukkan di dalam eksh 'II2' komen daripada pelayar Malaysiakini yang mengemukakan pelbagai pandangan dan komen berkenaan dengan kenyataan responden tersebut. Dalam affidavit sokongan dinyatakan
E bahawa catatan di Facebook oleh responden adalah suatu yang berniat jahat dan harus dihalang daripada diteruskan. Malahan ia juga bercanggah dengan prinsip *sub judice*.

[19] Dalam affidavit sokongan Encik Izzat Ikhwan bin Abu Bakar di
F perenggan 8 telah menyatakan bahawa laman media sosial Facebook responden bertarikh 12 Mac 2022 telah memetik laporan daripada atas talian oleh Malaysiakini bertarikh 11 Mac 2022 yang antara lain menyebut bahawa OKT akan dituduh dengan menceroboh tanah Kerajaan Pahang di mahkamah sesyen Raub pada 15 Mac 2022. Responden telah menerima saman kes
G tersebut pada 25 Februari 2022. Perincian tarikh ini penting disebabkan penulisan di medial sosial Facebook tersebut dibuat sebelum tarikh pertuduhan di mahkamah pada 15 Mac 2022.

[20] Sementara itu dalam affidavit jawapan responden pula bertarikh 11 Mei
H 2022 di perenggan 14 affidavit tersebut menyatakan bahawa tiada sebarang rujukan yang dibuat oleh responden terhadap saman yang sedang dibicarakan di dalam laman sosial Facebook miliknya. Ia juga adalah sejajar dengan hak responden di bawah Perlembagaan Persekutuan untuk mengeluarkan pandangan dan pihak pendakwaan gagal menunjukkan penyataan di dalam
I Facebook tersebut adalah memprejudiskan prosiding.

[21] Hakim mahkamah sesyen dalam menolak permohonan ini telah menyatakan di dalam alasan penghakiman beliau di perenggan [12] pada Rekod Rayuan Jld 1 menyatakan bahawa pihak perayu gagal mematuhi syarat

yang dinyatakan dalam kes *Dato' Sri Mohd Najib bin Hj Abd Razak v Public Prosecutor* [2019] 4 MLJ 281; [2019] 4 CLJ 705 iaitu:

> 12. Berkenaan merit permohonan ini pula, mahkamah mendapati Pemohon telah gagal memenuhi syarat-syarat yang perlu dipatuhi di dalam permohonan seumpama ini yang telah digariskan di dalam kes *Dato' Sri Mohd Najib bin Hj Abd Razak v Public Prosecutor* [2019] 4 MLJ 281; [2019] 4 CLJ 705, iaitu:
>
> (a) terdapat risiko nyata dan besar terhadap keadilan perbicaraan;
>
> (b) tiada langkah-langkah alternatif yang cukup untuk meremedi risiko tersebut; dan
>
> (c) perintah larangan bersuara ialah langkah yang perlu dan seimbang dalam melindungi hak mendapat perbicaraan adil.

[22] Hakim mahkamah sesyen mendapati ekshibit-ekshibit yang dikemukakan oleh pihak pemohon adalah merupakan penyataan atau penulisan komen oleh pihak ketiga. Hakim mahkamah sesyen berpendapat bahawa ketiadaan perintah awal larangan bersuara (*gag order*) tidak akan menyebabkan penafian hak untuk perbicaraan yang adil.

[23] Dalam hal ini mahkamah perlu memberi perhatian bahawa dalam kes *Dato' Sri Mohd Najib Hj Abdul Razak v Public Prosecutor* permohonan *gag order* dibuat oleh pihak tertuduh. Sebaliknya dalam kes ini permohonan untuk *gag order* dibuat oleh pihak pendakwaan. Oleh itu ujian yang dinyatakan dalam kes *Dato' Sri Mohd Najib Hj Abdul Razak v Public Prosecutor* berkenaan dengan pertimbangan untuk *gag order* perlu dilihat dalam konteks permohonan daripada pihak pendakwaan.

[24] Jika diteliti kepada keputusan Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan adalah jelas dinyatakan bahawa tiada undang-undang khusus yang memperuntukkan kuasa mahkamah untuk memberikan *gag order*. Ini telah dinyatakan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Dato' Sri Mohd Najib bin Hj Abd Razak v Public Prosecutor* [2019] 4 MLJ 281 seperti berikut:

> [21] Article 126 of the FC provides that:
>
> The Federal Court, the Court of Appeal or a High Court shall have power to punish any contempt of itself.
>
> [22] This position is reiterated in s 13 of the CJA which employs the exact same wording as art 126.
>
> [23] It is true that on the face of it, art 126 of the FC read together with s 13 of the same do not expressly empower the court to grant a prior restraint gag order. The Court of Appeal has also correctly pointed out that there is no specific provision in Malaysian law that authorises the grant of a prior restraint gag order against prejudicial publications like s 4(2) of the United Kingdom Contempt of Court Act 1981.

[24] Be that as it may, we are in agreement with the Court of Appeal and the High Court, that a prismatic construction as expounded by this court in Lee Kwon Woh should be accorded to art 126 of the FC. Fortifying our view on this is s 40(1) of the Interpretation Acts 1948 and 1967 which stipulates:

> Where a written law confers a power on any person to do or enforce the doing of any act or thing, all such powers shall be understood to be also given as are reasonably necessary to enable the person to do or enforce the doing of the act or thing.

[25] Ia telah dinyatakan oleh Mahkamah Rayuan dalam *Dato' Sri Mohd Najib bin Hj Abdul Razak v Public Prosecutor* [2019] 4 MLJ 74 seperti berikut:

> [22] There is no specific provision in the Malaysian law that authorise the granting of a gag order in the nature of a prior restraint or a pre-emptive order against prejudicial publications unlike the UK as can be found in s 4(2) of their Contempt of Court Act 1981 which provides:
>
> 4 Contemporary reports of proceedings.
>
> (1) Subject to this section a person is not guilty of contempt of court under the strict liability rule in respect of a fair and accurate report of legal proceedings held in public, published contemporaneously and in good faith.
>
> (2) In any such proceedings the court may, where it appears to be necessary for avoiding a substantial risk of prejudice to the administration of justice in those proceedings, or in any other proceedings pending or imminent, order that the publication of any report of the proceedings, or any part of the proceedings, be postponed for such period as the court thinks necessary for that purpose.
>
> This provision enables the courts in UK to grant a prior restraint or pre-emptive order in the form of 'postponement orders'.
>
> [23] In determining whether the courts in this country has the jurisdiction to grant a prior restraint gag order, the learned judge had examined the position in other Commonwealth jurisdictions in dealing with application of a prior restraint gag order. Various jurisdictions referred to this so called 'gag order' in different terms. Essentially, it is a prior restraint order of contempt.

[26] Asas kepada Mahkamah Tinggi memberikan perintah *gag order* itu adalah berdasarkan kepada kuasa mahkamah untuk memberikan hukuman kepada tindakan menghina mahkamah. Ia telah dinyatakan dalam perkara 126 Perlembagaan Persekutuan seperti berikut:

> 126 Power to punish for contempt
>
> The Federal Court, the Court of Appeal or a High Court shall have power to punish any contempt of itself.

[27] Ia juga dinyatakan di bawah s 13 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 iaitu:

> 13 Contempt
>
> The Federal Court, the Court of Appeal and the High Court shall have power to punish any contempt of itself.

[28] Penelitian kepada kes *Dato' Sri Mohd Najib bin Hj Abdul Razak v Public Prosecutor* dan *Public Prosecutor v Arumugam a/l Dorasamy* [2022] 10 MLJ 684, kedua-dua kes ini permohonannya dibuat di Mahkamah Tinggi asalnya. Ini bermakna perkara 126 Perlembagaan Persekutuan dan s 13 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 di atas adalah terpakai disebabkan kedua-dua peruntukan tersebut adalah merujuk kepada Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi.

BIDANG KUASA MAHKAMAH RENDAH MEMERINTAHKAN LARANGAN AWAL BERSUARA (*GAG ORDER*)

[29] Sebaliknya dalam kes ini permohonan dibuat di mahkamah sesyen. Adakah mahkamah sesyen mempunyai bidang kuasa untuk memberikan perintah *gag order*? Ini adalah disebabkan perkara 126 Perlembagaan Persekutuan dan s 13 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 tidak terpakai kepada mahkamah sesyen yang tertakluk kepada Akta Mahkamah Rendah 1948. Penelitian kepada Akta Mahkamah Rendah 1948 di bawah bidang kuasa mahkamah majistret dan mahkamah sesyen tiada terdapat peruntukan yang serupa dengan s 13 Akta Mahkamah Kehakiman 1964. Walau bagaimanapun di bawah s 99A dibaca bersama dengan Jadual Ketiga Akta tersebut memperuntukkan seperti berikut:

> 99A Further powers and jurisdiction of courts
>
> In amplification and not in derogation of the powers conferred by this Act or inherent in any court, and without prejudice to the generality of any such powers, every Sessions Court and Magistrates' Court shall have the further powers and jurisdiction set out in the Third Schedule.
>
> 26 Contempt of court
>
> Power to take cognizance of any contempt of court and to award punishment for the same, not exceeding, in the case of a Sessions Court, a fine of three hundred ringgit or imprisonment for six weeks, in the case of a Magistrates' Court presided over by a First Class Magistrate, a fine of one hundred and fifty ringgit or imprisonment for three weeks, and in the case of a Magistrates' Court presided over by a Second Class Magistrate, a fine of fifty ringgit or imprisonment for one week, to such extent and in such manner as may be prescribed by rules of court. If the contempt of court is punishable as an offence under the Penal Code, the court may, in lieu of taking cognizance thereof, authorize a prosecution.

[30] Penelitian kepada s 99A Akta Mahkamah Rendah 1948 dan butiran 26,

Jadual Ketiga mencadangkan bahawa mahkamah rendah mempunyai kuasa untuk memutuskan kes penghinaan mahkamah. Ia adalah sejajar dengan kuasa untuk mengambil tindakan terhadap perbuatan menghina mahkamah yang terdapat di bawah s 13 atau perkara 126 Perlembagaan Persekutuan yang diperuntukkan kepada mahkamah atasan. Dalam hal ini mahkamah merujuk kepada keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Peguam Negara Malaysia v Mohd Kassim bin Abd Hamid (biological father of Muhammad Adib bin Mohd Kassim)* [2022] MLJU 577 yang menyatakan seperti berikut:

> [51] To conclude, we hold that for the purpose of due administration of justice in Malaysia, the law confers jurisdiction to the subordinate courts to take cognisance of any contempt of court committed either contempt in the face of the court (*facie curiae*) or contempt outside of the court (*ex facie curiae*). The exercise of the court's jurisdiction is subject to the relevant laws and rules of court. We agree that the power to punish for contempt by inferior courts are limited under para 26 of the Third Schedule of the SCA 1948 compared to that of the superior courts. However, in our considered view the limitation is only on the prescribed punishment and not on the court's jurisdiction.

[31] Oleh itu bidang kuasa untuk mahkamah rendah mendengar permohonan untuk satu perintah gag order adalah bersandarkan kepada kuasa mahkamah rendah untuk berurusan dengan kes yang melibatkan penghinaan mahkamah. Ini dapat difahami sedemikian disebabkan tujuan *gag order* diberikan dalam suatu kes ialah untuk memastikan tiada sebarang penyataan yang dibuat oleh mana-mana pihak mengenai prosiding di hadapan mahkamah yang akan menjejaskan proses perbicaraan adil kepada mana-mana pihak. Di samping itu ia juga bagi mengelakkan mahkamah yang membicarakan sesuatu kes terpengaruh dengan komen-komen yang dibuat di luar mahkamah ketika perbicaraan sedang dijalankan. Ia dikenali sebagai *sub judice*. *Sub judice* ialah Bahasa Latin yang membawa maksud di bawah hakim (*under the judge*). Ia merujuk kepada satu keadaan di mana sesuatu kes itu masih berada dalam perbicaraan dan sedang dipertimbangkan oleh hakim atau mahkamah. Adalah tidak dapat dinafikan hakim mahkamah sesyen sebagai seorang yang dilatih secara ikhtisas sudah pasti tidak terpengaruh dengan komen-komen tersebut namun apa yang lebih penting ialah dapat membolehkan perjalanan perbicaraan yang adil dapat dilaksanakan dan dilihat ia dilaksanakan. Namun demikian dalam keadaan tertentu *gag order* boleh diberikan bagi menjaga keunggulan mahkamah dalam mengendalikan perbicaraan dan memastikan tiada ganggu gugat kepada proses perbicaraan adil.

[32] Kebebasan mahkamah dalam menjalankan sesuatu perbicaraan adalah merupakan tonggak utama kepada sistem kehakiman. Oleh itu sebarang tindakan yang boleh menjejaskan perjalanan sesuatu perbicaraan adalah perlu dielakkan. Oleh sebab itu terdapat undang-undang berkaitan dengan penghinaan mahkamah yang bertujuan untuk melindungi ketertinggian

mahkamah sehingga membolehkan kepercayaan kepada mahkamah berada di tahap yang tertinggi. Hal ini telah dinyatakan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Trustees of Leong San Tong Khoo Kongsi (Penang) Registered & Ors v SM Idris & anor and another application* [1990] 1 MLJ 273 seperti berikut:

> ... It is not necessary for us on this occasion to consider those authorities again except to reiterate what has been said in those cases that in this country there is the need to protect the dignity and integrity of the Supreme Court as well as the High Court which is recognised by art 126 of the Federal Constitution and also by s 13 of the Courts of Judicature Act 1964. In consideration, a proper balance must be struck between the right of freedom of speech as provided for in art 10 of the Federal Constitution and the need to protect the dignity and integrity of the Supreme Court in the interest of maintaining public confidence in the judiciary. In the light of these authorities, it is established, inter alia, that whether a criticism of a judgment is within the limits of reasonable courtesy and good faith must depend on the facts of each particular case and in determining the limit of reasonable courtesy the court should not lose sight of local conditions.

[33] Namun demikian mahkamah juga perlu melihat keadaan sesuatu perbincangan berkenaan mahkamah terutamanya berkaitan keputusan mahkamah bagi menentukan sama ada ianya boleh digolongkan sebagai penghinaan kepada mahkamah. Ini dapat dilihat seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Arif Salleh Abas Ketua Hakim Negara (ketika itu) dalam kes *Lim Kit Siang v Dato Seri Dr Mahathir Mohamad* [1987] 1 MLJ 383 seperti berikut:

> When we speak of government it must be remembered that this comprises three branches, namely, the legislature, the executive and the judiciary. The courts have a constitutional function to perform and they are the guardian of the Constitution within the terms and structure of the Constitution itself; they not only have the power of construction and interpretation of legislation but also the power of judicial review — a concept that pumps through the arteries of every constitutional adjudication and which does not imply the superiority of judges over legislators but of the Constitution over both. The courts are the final arbiter between the individual and the State and between individuals inter se, and in performing their constitutional role they must of necessity and strictly in accordance with the Constitution and the law be the ultimate bulwark against unconstitutional legislation or excesses in administrative action. If that role of the judiciary is appreciated then it will be seen that the courts have a duty to perform in accordance with the oath taken by judges to uphold the Constitution and act within the provisions of and in accordance with the law.
>
> We trust that any misunderstanding as to the role of the courts will accordingly be dispelled, and in this context and against the background of what we have just said, there is no call to be overly hypersensitive and to overact impetuously as the impugned remarks do not ex necessitate connote, within the requisite of the strictest burden of proof for proceedings for contempt, an attack on the judiciary in the way

A suggested by the applicant but rather tend to ventilate, perhaps understandably, the vexation of the executive in not being able to get through some desired objective or end without curial intervention.

B **[34]** Rasional kepada halangan orang awam untuk membincangkan kes yang sedang berjalan telah disimpulkan dengan menarik dalam artikel bertajuk *Sub Judice and Gag Order: The Recent Development in Malaysia* IIUM Law Journal Vol 30 (2) 2022 oleh Shukriah Mohd Sheriff di ms 3 seperti berikut:

C There are limits to commenting, discussing, reporting, and publishing the cases, particularly, the legal proceedings that are ongoing and pending judgment. The rationale for such limits is due to the fear that any publications-printed or electronic about an ongoing trial report beyond the events in courtroom may undermine the fairness of the trial. Thus, publicly sharing any facts about a case that the judge has said cannot be made public, publishing evidence which has not yet been tendered in court or expressing the opinion of the defendant's guilt or innocence is also D prohibited. Such publication is considered prejudicial, which may affect the trial ongoing especially when it has been circulated outside the confines of the court. Case law has evidenced that after reading the said publication, the witness who has earlier agreed to testify in court for the case has refused to attend and testify, or if he attends the trial, he may alter his testimony. This will certainly affect the flow of the E legal proceeding that is still ongoing.

[35] Dalam menentukan sama ada perintah *gag order* boleh dibenarkan atau sebaliknya telah dinyatakan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Dato' Sri Mohd Najib bin Hj Abd Razak v Public Prosecutor* [2019] 4 MLJ 281 seperti F yang dinyatakan di perenggan [33] seperti berikut:

[33] From the above authorities it can be gleaned that in an application for a pre-emptive gag order, the applicant is required to prove that:

(a) there is a real and substantial risk to the fairness of the trial;

G (b) there are no adequate alternative measures to remedy the risk; and

(c) the gag order is a necessary and proportionate step to protect the accused's right to a fair trial.

H **[36]** Bagi ujian yang pertama pemohon harus menunjukkan bahawa penerbitan sesuatu itu akan memberikan suatu ancaman sehingga menyebabkan terdapat kemungkinan risiko yang serius serta memprejudiskan pentadbiran keadilan bagi sesuatu prosiding tersebut. Ia membawa maksud komen atau penyataan tersebut boleh memberikan suatu kesimpulan awal I berkenaan dengan prosiding tersebut. Ini adalah disebabkan penentuan keputusan sesuatu prosiding tersebut adalah terletak kepada hakim dan ia tidak boleh dilakukan oleh pihak lain yang dibuat melalui pernyataan di luar mahkamah. Jika ini berlaku ini adakan memprejudiskan pihak-pihak dan mengganggu guat perbicaraan yang adil.

[37] Sementara itu bagi ujian kedua pula ia harus dibuktikan oleh pemohon bahawa *gag order* tersebut merupakan satu-satunya cara untuk menghalang pihak media atau orang awam berbincang berkenaan dengan kes tersebut. Di samping itu ia hanyalah cara yang ada bagi menjamin perbicaraan yang adil bagi sesuatu kes.

[38] Bagi ujian ketiga pula pemohon harus menunjukkan bahawa perintah *gag order* tersebut adalah satu yang perlu dan bersesuaian untuk melindungi haknya bagi perbicaraan yang adil. Dalam kes ini penyataan yang dikemukakan oleh responden ialah seperti yang terdapat di dalam eksh 'II1' seperti berikut:

> Sabrina Syed
>
> Ramai yang takut bersuara dalam penjagaan Alam kerena mereka akan ditindas seperti apa yang berlaku pada diri saya.
>
> Saya bersuara sebagai Presiden NGO dalam alam sekitar. Ini berkenaan nyawa manusia dan juga makhluk2 Allah yang lain. Kalau tak mahu kami bersuara hapuskan saja semua NGO ALAM SEKITAR. Musnahlah khazanah alam selagi boleh. Sekian.

[39] Ekoran daripada penyataan tersebut terdapat komen-komen daripada pengguna Facebook yang memberi respon kepada penyataan tersebut. hakim mahkamah sesyen ketika menangani masalah tersebut telah menyatakan dalam alasan penghakiman bahawa pihak pemohon tidak dapat menunjukkan berita dan komen-komen tersebut akan menjejaskan hak perbicaraan yang adil. Malahan pemohon mempunyai cara lain untuk mengatasi masalah ini dan tidak terdapat mana-mana pihak-pihak melanggar peraturan sub judice.

[40] Dalam hal ini mahkamah rendah perlu dalam menimbangkan suatu permohonan *gag order* dengan mematuhi ujian yang dinyatakan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Dato' Sri Mohd Najib bin Hj Abd Razak v Public Prosecutor* [2019] 4 MLJ 281 dengan melihat pemakaiannya kepada fakta di dalam suatu kes. Secara umumnya dapat dinyatakan bahawa semasa mempertimbangkan permohonan untuk suatu gag order perkara-perkara berikut perlu diberikan pertimbangan oleh mahkamah iaitu:

(a) adakah mahkamah rendah yang ingin memberikan gag order tersebut mempunyai bidang kuasa untuk membuat perintah yang sedemikian. Mahkamah perlu meneliti s 99A dan butiran 26 Jadual Ketiga Akta Mahkamah Rendah 1948. Ia adalah merupakan asak kepada bidang kuasa mahkamah rendah untuk mendengar permohonan gag order tersebut;

(b) mahkamah perlu memastikan adakah terdapat tatacara yang lain bagi mengatasi masalah yang akan dihadapi sekiranya perintah gag order tidak diberikan. Misalnya sekiranya permohonan itu adalah daripada

A pihak pendakwaan mahkamah perlu menimbangkan tatacara yang lain yang boleh digunakan oleh pihak pendakwaan bagi memastikan pihak-pihak luar tidak akan mengganggu perbicaraan yang adil sama ada menggunakan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588), Kanun Keseksaan atau undang-undang bertulis yang lain seperti Akta
B Prosiding Kehakiman (Pengawalseliaan Laporan) 1962 (Disemak 1973) (Akta 114) (s 3). Begitu juga s 15 Akta Kanak-kanak 2001. Malahan pihak pendakwaan juga mempunyai pilihan bagi mengambil tindakan penghinaan mahkamah mengikut prosedur yang ditetapkan;

C (c) mahkamah juga perlu mengiktiraf dan mengambil kira hak kebebasan bersuara seperti yang dinyatakan dalam perkara 10 Perlembagaan Persekutuan seperti berikut:

10 Freedom of speech, assembly and association

D (1) Subject to Clauses (2), (3), (3A) and (4)—

(a) every citizen has the right to freedom of speech and expression;

(b) all citizens have the right to assemble peaceably and without arms;

(c) all citizens have the right to form associations.

E

(2) Parliament may by law impose —

(a) on the rights conferred by paragraph (a) of Clause (1), such restrictions as it deems necessary or expedient in the interest of the security of the Federation or any part thereof, friendly relations with other countries,
F public order or morality and restrictions designed to protect the privileges of Parliament or of any Legislative Assembly or to provide against contempt of court, defamation, or incitement to any offence;

(b) on the right conferred by paragraph (b) of Clause (1), such restrictions as it deems necessary or expedient in the interest of the security of the
G Federation or any part thereof or public order;

(c) on the right conferred by paragraph (c) of Clause (1), such restrictions as it deems necessary or expedient in the interest of the security of the Federation or any part thereof, public order or morality.

H (3) Restrictions on the right to form associations conferred by paragraph (c) of Clause (1) may also be imposed by any law relating to labour or education.

(3A) Notwithstanding paragraph (c) of Clause (2) and Clause (3), the right to form associations conferred by paragraph (c) of Clause (1) in relation to a member of the House of Representatives and Legislative Assembly of any
I State shall be subjected to restrictions imposed by Article 49A and section 7A of the Eighth Schedule respectively.

(4) In imposing restrictions in the interest of the security of the Federation or any part thereof or public order under paragraph (a) of Clause (2), Parliament may pass law prohibiting the questioning of any matter, right, status,

position, privilege, sovereignty or prerogative established or protected by the provisions of Part III, Article 152, 153 or 181 otherwise than in relation to the implementation thereof as may be specified in such law.

Perintah *gag order* tersebut tidak boleh melanggar kebebasan individu untuk bersuara.

(d) mahkamah juga perlu mengambil kira apakah kenyataan yang dibuat sebagai asas kepada permohonan perintah gag order tersebut. Adakah ia merupakan pandangan umum berkenaan dengan sesuatu kes atau secara khusus berkenaan keterangan saksi-saksi atau ekshibit-ekshibit yang ingin dikemukakan. Begitu juga mahkamah juga perlu menimbangkan sama ada penyataan tersebut menyentuh secara langsung kepada peribadi hakim yang akan mengendalikan prosiding tersebut. Jika komen tersebut adalah secara umum dan tidak menyentuh secara berkenaan dengan kes tersebut perintah *gag order* tersebut boleh tidak dipertimbangkan. Sebaliknya jika penyataan tersebut menyentuh secara khusus berkenaan dengan keterangan saksi-saksi, ekshibit-ekshibit dan keperibadian hakim tersebut sehingga menghilangkan keyakinan orang awam terhadap keadilan mahkamah dalam mengendalikan perbicaraan tersebut maka perintah *gag order* boleh dipertimbangkan.

[41] Perayu di dalam hujahannya menyatakan bahawa adalah menjadi tanggungjawab pendakwa raya untuk memastikan perbicaraan jenayah dalam kes ini dilakukan dengan memastikan satu perbicaraan yang adil dikendalikan. timbalan pendakwa raya telah memetik perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan yang dalam naskah asalnya seperti berikut:

145 Attorney General

(3) The Attorney General shall have power, exercisable at his discretion, to institute, conduct or discontinue any proceedings for an offence, other than proceedings before a Syariah court, a native court or a court-martial.

[42] Berdasarkan kepada peruntukan tersebut timbalan pendakwa raya berhujah bahawa rasional permohonan ini dibuat adalah bagi memastikan tiada sebarang prejudis kepada perbicaraan yang adil dengan menghalang responden membuat sebarang kenyataan kepada pihak ketiga termasuk media akhbar dan media sosial. Timbalan pendakwa raya juga telah merujuk kepada *Public Prosecutor v Arumugam a/l Dorasamy* [2022] 10 MLJ 684; [2022] 1 CLJ 297.

[43] Tanggungjawab pendakwa raya dan peguam negara bagi memastikan tiada sebarang tindakan oleh mana-mana pihak yang boleh mengganggu-gugat perbicaraan yang adil adalah sesuatu yang telah menjadi sebahagian daripada tanggungjawab yang diiktiraf oleh mahkamah. Ini dapat dilihat dalam kes

Attorney General v Times Newspapers Ltd [1974] AC 273 di mana Lord Reid menyatakan seperti berikut:

> I agree with your Lordships that the Attorney-General has a right to bring before the court any matter which he thinks may amount to contempt of court and which he considers should in the public interest be brought before the court. The party aggrieved has the right to bring before the court any matter which he alleges amounts to contempt but he has no duty to do so. So if the party aggrieved failed to take action either because of expense or because he thought it better not to do so, very serious contempt might escape punishment if the Attorney-General had no right to act. But the Attorney-General is not obliged to bring before the court every prima facie case of contempt reported to him. It is entirely for him to judge whether it is in the public interest that he should act.

[44] Malahan pada hemat mahkamah ini tanggungjawab untuk memastikan perbicaraan adil adalah merupakan tugas suci yang perlu dilaksanakan oleh semua pihak yang terlibat dalam perbicaraan di mahkamah. Oleh itu segala tindakan yang boleh menghalang daripada sebarang tindakan yang boleh mencemarkan suatu perbicaraan yang adil perlu dilakukan termasuklah tindakan untuk mengemukakan permohonan *gag order*. Begitu juga tindakan-tindakan lain seperti prosiding penghinaan mahkamah dan tindakan-tindakan jenayah lain yang difikirkan sesuai bagi menjamin perjalanan perbicaraan yang adil. Sesungguhnya sekiranya tiada tindakan yang dilakukan oleh pihak yang sepatutnya mengambil tindakan bagi menjamin perjalanan perbicaraan yang adil maka sistem kehakiman dan keyakinan kepada perbicaraan adil akan runtuh.

[45] Pada masa yang sama semasa mempertimbangkan permohonan untuk *gag order* atau pertimbangan berkenaan dengan penghinaan mahkamah ia tidak boleh menafikan hak pihak-pihak untuk memberikan pandangan kepada tindakan di mahkamah selagi ia tidak melanggar atau menyentuh perbicaraan itu sendiri seperti mengemukakan komen kepada keterangan-keterangan yang dikemukakan atau dapatan-dapatan yang dibuat oleh mahkamah. Ia juga tidak sewajarnya menyentuh keterangan saksi-saksi yang boleh menyebabkan komen yang sedemikian menyebabkan saksi tidak memberikan keterangan yang sewajarnya atau takut untuk hadir untuk memberi keterangan. Dalam hal ini mahkamah merujuk kepada kes *Andre Paul Terence Ambard v The Attorney-General of Trinidad and Tobago* [1936] AC 322. Dalam kes tersebut Majlis Privy melalui Lord Atkin telah memberi pandangan yang menarik berkenaan dengan kritikan kepada badan kehakiman seperti berikut:

> But whether the authority and position of an individual judge, or the due administration of justice, is concerned, no wrong is committed by any member of the public who exercises the ordinary right of criticising, in good faith, in private or public, the public act done in the seat of justice. The path of criticism is a public way: the wrong headed are permitted to err therein: provided that members of the public abstain from imputing improper motives to those taking part in the

administration of justice, and are genuinely exercising a right of criticism, and not acting in malice or attempting to impair the administration of justice, they are immune. Justice is not a cloistered virtue: she must be allowed to suffer the scrutiny and respectful, even though outspoken, comments of ordinary men.

[46] Ini bermakna mahkamah perlu mengimbangkan di antara hak masyarakat untuk memberi pandangan kepada sistem kehakiman dengan perlindungan kepada perbicaraan yang adil. Ini adalah mengelakkan daripada sebarang tindakan yang telah dikemukakan di mahkamah akan menjadi perbincangan awam dalam kalangan masyarakat sehingga menyebabkan ia mempengaruhi perjalanan perbicaraan yang adil. Ini perlu dielakkan. Mahkamah ini dengan takzimnya merujuk kepada ucapan Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara dalam Pembukaan Tahun Perundangan 2023 pada 9 Januari 2023 yang dapat ditelusuri melalui *Opening of the Legal Year 2023: Speech by the Right Honourable the Chief Justice of Malaysia* [2023] 1 MLJ i yang turut menjelaskan berkenaan hak warganegara untuk memberi kritikan kepada badan kehakiman dan menyatakan bagaimana ia wajar dilakukan seperti berikut:

[9] I recognise the constitutional right of every citizen to criticise the Judiciary and to test the correctness of its judgments through due process. Indeed, Judges should be aware of public opinion, but they are not bound by it. Healthy attention and constructive comments towards the Judiciary and its work are always to be welcomed as they help us to reflect on our work, improve to the best of our abilities and competence, and also remind us of the utmost importance of upholding judicial independence to maintain the Rule of Law. Thus, the criticisms that we receive should not result in disharmony between the Judiciary and members of the Bar, any political alliance, or the general public, but rather, it should solidify and augment our determination to be even more united in upholding the independence of the Judiciary and the Rule of Law.

[10] In this regard, when comments are not based on objective facts and rational arguments, let alone legally reasoned substantiations, but rather on surmises, political stances or improper considerations, they are of no value to the advancement of the Rule of Law nor do they help us to be united in upholding judicial independence.

[11] The acceptance of the courts' judgments by the litigants and by the public at large hinges, in part, upon the transparency with which the courts demonstrate in deciding cases.

[12] Only with transparency in its proceedings may the judiciary be able to earn and keep residual long-term public trust. In my opinion, a key component of transparency is accessibility. Lord Bingham in his book The Rule of Law cautioned that:

The length, elaboration and prolixity of some common law judgments ... can in themselves have the effect of making the law to some extent inaccessible.

A [47] Oleh itu dalam kes ini adakah penyataan yang dibuat oleh responden atau dilaporkan telah dibuat oleh responden boleh menjejaskan perbicaraan kes ini. Adakah tindakan responden yang terus menerus mengemukakan komen berterusan berkenaan kes ini akan menjejaskan perbicaraan atau mempengaruhi hakim yang membicarakan kes ini? Mahkamah berpendapat bahawa berdasarkan affidavit-affidavit yang dikemukakan dalam permohonan ini tiada sebarang petanda yang menunjukkan bahawa komen yang dinyatakan oleh responden dalam kes ini mempunyai apa-apa kesan dalam mempengaruhi keputusan yang bakal diputuskan oleh mahkamah kelak. Ini adalah disebabkan keputusan kes tersebut akan dibuat berdasarkan kepada keterangan-keterangan yang dikemukakan semasa perbicaraan kelak. Mahkamah juga mendapati dalam kes ini tiada sebarang rujukan kepada saksi-saksi yang akan dipanggil oleh pihak perayu atau responden dinyatakan dalam kes ini yang boleh menjejaskan keterangan saksi-saksi tersebut. Mahkamah juga mendapati tiada sebarang dokumen-dokumen khusus dirujuk yang boleh dikemukakan sebagai ekshibit dalam perbicaraan tersebut sehingga menyentuh kepada kesahihan dokumen-dokumen tersebut yang boleh menjejaskan perbicaraan kelak.

[48] Mahkamah ini mendapati hakim mahkamah sesyen telah meneliti ekshibit-ekshibit yang dikemukakan, affidavit-affidavit yang dideposkan dan merujuk kepada autoriti-autoriti yang berkaitan apabila memutuskan penyataan tersebut yang dikatakan dikeluarkan oleh pihak responden tidak dapat menjejaskan perbicaraan adil dalam kes ini.

[49] Adalah menjadi amalan yang baik untuk pihak yang ingin membuat apa-apa penyataan berkenaan prosiding yang sedang berjalan di mahkamah untuk tidak menggunakan kebebasan membuat komen sehingga mendedahkan mereka kepada tindakan penghinaan mahkamah atau tindakan undang-undang yang lain. Sesungguhnya, tanggungjawab untuk memastikan bahawa prosiding perbicaraan sesuatu mahkamah dijalankan tanpa sebarang gangguan atau pengaruh daripada naratif yang dikemukakan oleh mana-mana pihak adalah mustahak dipertahankan. Komen-komen yang boleh menjejaskan perbicaraan atau memprejudiskan perbicaraan yang adil adalah tindakan yang kurang bertanggungjawab dan boleh menjejaskan kepercayaan kepada sistem keadilan. Kesimbangan di antara hak untuk memberi kritikan dengan ketinggian sistem keadilan perlu diselaraskan dan kebebasan kehakiman perlu dipertahankan. Selain daripada itu komen-komen yang hendak dikemukakan perlulah berdasarkan kepada fakta dan keterangan yang dapat menyokongnya. Ia tidak sepatutnya berdasarkan kepada persepsi pihak yang mengeluarkan komen terhadap sesuatu prosiding mahkamah. Jika ini dilakukan ia akan menyegar suburkan serta menggalakkan pihak-pihak mengemukakan kenyataan yang berunsur fitnah dan tidak bertanggungjawab sehingga meruntuhkan keunggulan sistem keadilan negara. Ia perlu dijauhi

dan dibanteras dengan rasa kasih sayang yang tinggi dan mendalam kepada negara bagi memastikan ketertinggian sistem kehakiman sentiasa terpelihara.

[50] Akhirnya, mahkamah ini berpendapat bahawa tiada alasan bagi mewajarkan mahkamah ini mengganggu dapatan yang dibuat oleh hakim mahkamah sesyen berkenaan dengan permohonan ini. Rayuan ini ditolak.

Rayuan ditolak.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar